BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 02/18/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Rabu, 14 Februari 2018

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2017

Ekonomi Malaysia meningkat 5.9% pada suku keempat 2017

Permintaan sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara, dengan sokongan yang berterusan daripada sektor luaran. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi terus berkembang, kecuali sektor perlombongan. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara berkembang sebanyak 0.9% (S3 2017: 1.8%). Bagi tahun 2017 secara keseluruhan, ekonomi negara meningkat sebanyak 5.9% (2016: 4.2%). Inflasi keseluruhan menurun sedikit kepada 3.5% pada suku keempat 2017 (S3 2017: 3.6%), disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *perumahan, air, elektrik dan gas* serta *pengangkutan*. Bagi tahun 2017 secara keseluruhan, purata inflasi ialah 3.7% (2016: 2.1%).

Kestabilan kewangan terpelihara

Pasaran kewangan domestik secara keseluruhan mengalami turun naik yang lebih rendah di tengah-tengah sentimen pasaran yang bertambah baik. Institusi kewangan domestik mengekalkan kualiti aset dan tahap keberuntungan yang kukuh. Secara agregat, sektor perniagaan dan isi rumah terus menunjukkan kemampuan yang kukuh untuk membayar balik hutang. Keadaan kredit dalam sistem perbankan domestik kekal kondusif untuk menyokong aktiviti ekonomi benar, dan peminjam yang layak terus mendapat akses kepada pembiayaan

Ekonomi Malaysia dijangka kekal menggalakkan pada tahun 2018

Pertumbuhan ekonomi dijangka terus menggalakkan pada tahun 2018, dengan permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Jangkaan bahawa kadar pertumbuhan global akan menjadi lebih pantas terus memberikan manfaat kepada eksport Malaysia, sekali gus menghasilkan limpahan positif terhadap kegiatan ekonomi dalam negeri.

Inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2018, mencerminkan kesan faktor kos global yang lebih kecil serta ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan tahun 2017. Tekanan menaik yang wujud berikutan keadaan permintaan yang teguh akan dibendung oleh kapasiti lebihan dalam pasaran pekerja di samping pelaburan yang berterusan untuk pengembangan kapasiti pengeluaran. Walau bagaimanapun, trajektori inflasi keseluruhan akan terus dipengaruhi oleh trend harga minyak dunia yang masih amat tidak menentu.

Bank Negara Malaysia juga ingin mengetengahkan dua isu. Pertama – 'Rumah Mampu Milik: Cabaran dan Langkah Ke Hadapan' – yang mengupas dengan lebih lanjut beberapa cadangan dasar sebagai langkah ke hadapan bagi menangani cabaran-cabaran berkaitan dengan isu rumah mampu milik, untuk perbincangan umum. Kedua – '*Application Programming Interface* (API) Terbuka: Suatu Revolusi Kewangan' – yang memberikan pencerahan mengenai penggunaan API Terbuka dalam perkhidmatan kewangan, termasuk perkhidmatan-perkhidmatan baharu yang boleh ditawarkan melalui API Terbuka dan beberapa isu berkaitan, dengan tumpuan khusus pada penggunaan API Terbuka dalam sektor kewangan di Malaysia.

Bank Negara Malaysia
14 Februari 2018

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Jadual 1

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2017 (%)	2016		2017		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.2	3.2	4.3	6.6	6.2	6.5
Sektor Swasta	*71.2*	5.9	5.6	7.3	7.4	7.5
Penggunaan	*53.7*	*6.1*	*6.0*	*7.2*	*7.0*	*7.0*
Pelaburan	*17.4*	*4.9*	*4.3*	*7.9*	*9.2*	*9.3*
Sektor Awam	21.0	-2.6	0.4	4.0	3.4	3.3
Penggunaan	*13.0*	*-4.2*	*0.9*	*3.9*	*6.9*	*5.4*
Pelaburan	*8.0*	*-0.4*	*-0.5*	*4.1*	*-1.4*	*0.1*
Eksport Bersih	7.8	6.4	1.5	1.7	5.4	-1.1
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*72.9*	*2.2*	*1.1*	*11.8*	*7.1*	*9.6*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*65.1*	*1.6*	*1.1*	*13.4*	*7.4*	*11.0*
KDNK	**100.0**	**4.5**	**4.2**	**6.2**	**5.9**	**5.9**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.3**	**-**	**1.8**	**0.9**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

Perubahan tahunan (%)	Bahagian 2017 (%)	2016		2017		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Perkhidmatan	54.4	5.5	5.6	6.5	6.2	6.2
Perkilangan	23.0	4.7	4.4	7.0	5.4	6.0
Perlombongan	8.4	5.0	2.2	3.1	-0.5	1.1
Pertanian	8.2	-2.5	-5.1	4.1	10.7	7.2
Pembinaan	4.6	5.1	7.4	6.1	5.8	6.7
KDNK Benar	**100.0**[1]	**4.5**	**4.2**	**6.2**	**5.9**	**5.9**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia